

1/2/21

S.H M/S 22

Tular ratusan ikan pari terdampar

TANJONG KARANG - Ratusan ikan pari terdampar di Pantai Sungai Kajang di sini masih menjadi tanda tanya selepas rakaman video tular di Facebook pada Sabtu.

Menerusi status dimuat naik sebuah laman Facebook memaklumkan, terdapat banyak ikan pari terdampar di pantai berkenaan, bagaimanapun, masih belum ada kepastian mengenai perkara itu.

“Ada sesiapa (nelayan di kawasan Pantai Sungai Kajang) boleh sahkan?,” kata pentadbir laman Facebook berkenaan.

Menerusi ruangan komen juga, terdapat video turut dimuat naik memaparkan beberapa nelayan yang berada di dalam bot mengangkat ikan pari naik ke jeti nelayan.

Seorang pemilik akaun Facebook menggunakan nama Ainul Haziq memberitahu, ikan pari itu tidak terdampar seperti yang tular di media sosial itu.

“Ini cerita semalam. Orang (nelayan) membelat (guna pukal dipacak pada dasar berlumpur) dapat hasil satu tan dan ia tidak terdampar seperti yang sedia maklum,” katanya.

Sementara itu, Jabatan Perikanan Selangor mengesahkan menerima laporan berhubung sejumlah ikan pari didaratkan



Ikan pari yang terdampar di Pantai Sungai Kajang yang tular di Facebook sejak Sabtu.

sekumpulan nelayan seperti yang tular di Facebook pada Sabtu.

Pengarahnya, Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, bagaimanapun ikan pari terbabit tidak terdampar seperti didakwa, sebaliknya sekumpulan nelayan menangkap ikan pari menggunakan pukal yang dipacak pada dasar berlumpur di perairan pantai Sungai Kajang.

“Hasil tangkapan yang dilaporkan kira-kira sejumlah ikan pari seberat 1,450 kilogram dengan nilai keseluruhan berjumlah RM17,520 didaratkan di Jeti Sungai Kajang,” katanya kepada

Sinar Harian pada Ahad.

Abdul Rahman menegaskan, pihaknya mengingatkan nelayan tidak menggunakan peralatan menangkap ikan yang tidak dilesenkan dan menangkap ikan di kawasan zon konservasi iaitu di kawasan kurang daripada satu batu nautika daripada pantai merupakan kesalahan di bawah Akta Perikanan.

“Zon konservasi merupakan kawasan pembiakan anak-anak benih ikan dan merupakan ekosistem yang sensitif perlu dilindungi daripada aktiviti perikanan serta pembangunan,” katanya.